

BAB III

## **ISI KANDUNGAN**

### **BAB III**

#### **PERKEMBANGAN ISLAM DI KALANGAN MASYARAKAT ORANG-ORANG ASLI DI KELANTAN.**

- 3.1 Istilah Orang Asli.
- 3.2 Asal Usul Masyarakat Orang Asli Di Kelantan.
  - 2.2.1 Kumpulan Negrito.
  - 2.2.2 Kumpulan Senoi.
- 3.3 Jumlah Penduduk Masyarakat Orang Asli Di Kelantan.
- 3.4 Kepercayaan Agama Yang Wujud Di Kalangan Masyarakat Orang Asli.
  - 3.4.1 Kepercayaan Negrito.
  - 3.4.2 Kepercayaan Senoi
- 3.5 Penyebaran Islam Di Kalangan Orang Asli.
  - 3.5.1 Sejarah
  - 3.5.2 Pihak Yang Bertanggungjawab.
    - a) MAIK.
    - b) PERKIM.
    - c) ABIM.
    - d) JHEOA.
  - 3.5.3 Pendekatan Dakwah Oleh Badan-Badan.
  - 3.5.4 Halangan.
  - 3.5.5 Sikap Orang Asli Terhadap Agama Islam.
  - 3.5.6 Kesan Penyebaran

### BAB III

#### PERKEMBANGAN ISLAM DI KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI KELANTAN.

##### 3.1 Istilah Orang Asli.

Kamus Dewan memberi pengertian mengenai maksud sebenar Orang Asli dengan menjelaskan tentang ungkapan “Orang” bermaksud “Manusia”<sup>1</sup>, dan ungkapan “Asli” adalah satu perkataan yang disedut dari kalimah arab “Asula” (Feil Madhi) yang bererti “Berasal” atau “Asliyun” bermaksud “Yang Asli”<sup>2</sup>. Dengan penjelasan ini dapat disimpulkan bahawa maksud “Orang Asli” iaitu manusia yang asal. Yang lahir dan tinggal di satu-satu tempat atau negeri. Dengan lain perkataan mereka adalah pribumi.<sup>3</sup>

Perkataan “Orang Asli” telah meluas penggunaannya berikutan perhatian serius kerajaan pada kelompok masyarakat ini semenjak negara ini mencapai kemerdekaan dari Britain pada tahun 1957.<sup>4</sup> Pada asalnya mereka dikenali dengan “Aborigines”<sup>5</sup> oleh penjajah tetapi penggunaannya amat tidak bersesuaian kerana membawa maksud

<sup>1</sup>Dr. Teuku Iskandar, (1996), **kamus Dewan Edisi Ketiga**, DBP, Kuala Lumpur, hal 945.

<sup>2</sup>Pro. Mahmud Yunus, (1973), **Kamus Arab - Indonesia**, Ctk Pertama, Padang, Jakarta, hal 43.

<sup>3</sup>Pribumi menurut kamus dewan ialah penduduk asli.

<sup>4</sup>Baharon Azhar Raffie'i, (1972), **Some Aspects Of The Relationship Of The Orang Asli and Other Malaysian**, JHEOA, Kuala Lumpur, hal 1.

<sup>5</sup>JHEOA, (1991), **Nong Pai**, Edisi Ogos - Sept, hal 18.

yang merendahkan serta menggambarkan satu masyarakat yang tidak bertamaddun.<sup>6</sup> Penggunaan ini tidak mendapat sambutan, menyebabkan kerajaan telah memperkenalkan Istilah baru bagi mereka iaitu “Orang Asli”. Penggunaan ini dianggap lebih sesuai dengan suasana masyarakat tersebut. Perkataan ini diterima baik dan pengunaannya amat meluas hingga ke hari ini.

Pada peringkat awal, pentadbiran British di Persekutuan Tanah Melayu telah memanggil kumpulan ini dengan gelaran “Sakai”. Panggilan ini amat tidak sesuai kerana maksud sebenar “Sakai” ialah orang suruhan atau “hamba”<sup>7</sup>. Ianya membawa erti “satu kelompok primitif” atau “hamba” yang tinggal di hutan belantara, mundur dan serba kotor.<sup>8</sup> Keadaan ini terlalu asing bagi keadaan masyarakat Asli itu sendiri. Pun begitu masih terdapat dalam beberapa catatan kajian yang menggunakan istilah ini.

Penggunaan istilah untuk Orang Asli bukan terhad setakat itu sahaja, malahan masih terdapat nama lain yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji mengenai masyarakat ini seperti “Pagan”<sup>9</sup> “Rakyat” “Saudara Lama” dan “Pribumi”.<sup>10</sup> Para pengkaji Barat mengistilahkan Orang Asli dengan istilah yang tersendiri dan penggunaannya pula adalah merujuk kepada kelompok-kelompok tertentu seperti

<sup>6</sup>Carey Iskandar, (1976), **Orang Asli : The Aborigined Tribe Of Peninsular Malaysia**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hal 223.

<sup>7</sup>Dr. Teuku Iskandar, Op cit, hal 1170.

<sup>8</sup>Shamsul Amri Baharuddin, (1978), **Sikap dan Prasangka Terhadap Orang Asli**, Dewan Masyarakat, DBP, Kuala Lumpur, Feb, hal 10.

<sup>9</sup>Pagan: Ialah istilah yang dirujuk kepada orang yang tidak menganut mana-mana agama utama.

<sup>10</sup>Baharon Azhar Rafie'i, (1972), Op cit, hal 4.

“Orang Darat”, “Orang Dalam”<sup>11</sup> dan kadang-kalanya perletakan nama yang berbeza-beza ini sebenarnya adalah berdasarkan kepada tabiat juga bersesuaian dengan kumpulan atau kelompok-kelompok itu tadi. Terdapat juga istilah “Semang” digunakan yang mana penggunaanya merujuk kepada kumpulan kaum Negrito di negeri Kedah.<sup>12</sup> Kelahiran istilah-istilah yang banyak ini telah menimbulkan keraguan para ahli antropologi yang menjalankan kajian-kajian mengenai Orang Asli. Dari kebanyakan nama-nama yang diberikan, ada di antara Orang Asli mengakui bahawa mereka adalah “Orang Bukit” atau “Orang Hutan”.<sup>13</sup>

Berpandukan kepada kesesuaian dalam mengistilahkan masyarakat ini dengan panggilan Orang Asli, maka penggunaannya mula meluas selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Ini bagi mengantikan istilah-istilah yang berbagai-bagai oleh pengkaji barat. Namun begitu istilah Orang Asli masih menjadi bahan persoalan yang belum mendapat kepastian tentang penggunaanya dalam konteks pembangunan dan perpaduan di Malaysia. Adakah mereka dengan istilah yang diberikan, telah mengikuti dan menyertai arus pembangunan negara? Dalam menjawab persoalan ini dapat disimpulkan berdasarkan pembacaan dan penelitian saya bahawa istilah Orang Asli yang diberikan hakikatnya lebih mengekalkan mereka dengan sifat-sifat keaslian yang ada pada mereka dan situasi inilah yang telah meminggirkan mereka dari arus pembangunan negara dan membezakan mereka dari kelompok-kelompok sosial lain.

<sup>11</sup>Dr. Iskandar Carey, (1976), Op cit, hal 223.

<sup>12</sup>Evan, (1923), *Study In Relegion, Folk - Lore And Custum In British North Borneo And Malay Peninsular*, The University Press Cambridge, hal 144.

<sup>13</sup>Wilkinson, R.J, (1910), *Paper On Malay Subject Suplement : The Aboriginal Tribe*, Russel, J. at The F.M.S, Geverment Press, Kuala Lumpur, hal 9.

Kalau diamati tentang penggunaan istilah orang asli pada masyarakat mereka, ternyata penggunaan itu bukanlah pilihan mereka sendiri. Jika dikaji secara mendalam, akan didapati tidak wujud kesedaran di kalangan mereka yang menunjukkan istilah itu dibuat berasaskan kehendak dan keinginan mereka.<sup>14</sup> Dalam kajian saya terdapat juga sesetengah masyarakat Orang Asli yang tidak gemar dengan penggunaan tersebut. Menurut kajian lain pula, penggunaan nama kelompok masing-masing adalah lebih sesuai bagi mereka seperti Mahmeri, Temiar, Temuan dan Semai. Ini kerana ianya lebih menggambarkan kehidupan masyarakat yang ada budaya dan cara hidup tersendiri.<sup>15</sup>

### 3.2 Asal Usul Masyarakat Orang Asli Di Kelantan.

Berdasarkan kepada pengkajian-pengkajian para pengkaji Barat mengenai Orang Asli ternyata keaslian mereka itu dilihat dari sudut asalnya mereka menetap di bumi Tanah Melayu secara amnya mahupun di Kelantan secara khususnya.

Pengkajian ini pada peringkat awal melihat asal-usul masyarakat Orang Asli di Kelantan sama dan pecahan serta rangkaian masyarakat Orang Asli yang ada di kawasan-kawasan lain di Malaysia ini. Kewujudan ini hasil daripada pergerakan

<sup>14</sup>Hood Mohd Salleh, (1985), **Orang Asli : Siapa Mereka ?**, Dewan budaya, Julai, DBP, Kuala Lumpur hal 47.

<sup>15</sup>Zakuan b. Sawai, (1997), **Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli : Kajian Terhadap Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam**, Tesis Master, U.M, Kuala Lumpur, hal 8.

mereka dari satu tempat ke satu tempat yang akhirnya sebahagian mereka telah memasuki bumi Kelantan dan membuat penempatan tetap di sini.

Kalau dilihat dan diteliti secara baik kepada kajian-kajian Barat ataupun tempatan menunjukkan dasar kepada istilah-istilah yang digunakan kepada mereka menggambarkan bahawa mereka merupakan satu kumpulan atau masyarakat yang asal atau lahir di sini. Tetapi hakikat ini terkeluar dari hakikat sebenar berdasarkan fakta-fakta sejarah yang telah tercatit.

Walaupun mereka diistilahkan sebagai pribumi namun hakikat yang diperolehi hasil dari penelitian dan pengkajian sejarah menunjukkan masyarakat ini juga adalah golongan pendatang. Mereka datang dari berbagai tempat contohnya tiga masyarakat utama iaitu Negrito, Senoi, dan Melayu Asli, adalah golongan pendatang yang telah dikenal pasti melalui kajian kritis sejarah sebagai golongan yang terawal menetap di Tanah Melayu. Kehadiran mereka dalam beberapa peringkat yang lampau dari berbagai daerah khususnya dari kawasan tengah Asia. Kenyataan ini telah menguatkan bahawa penempatan mereka di sini tidak boleh dijadikan satu alasan tentang keaslian mereka. Kerana mereka juga adalah pendatang.

Bila dilihat kepada keadaan ini ternyata bahawa masyarakat Orang Asli yang menetap di Kelantan ada hubungkait dengan masyarakat Orang Asli yang ada di Tanah Melayu. Kedapatan mereka di bumi Kelantan merupakan hasil dari pergerakan menerusi sosio ekonomi yang dijalankan dalam kehidupan mereka seharian dan mencari sumber rezeki melalui pemburuan.

Kaum Asli di Kelantan dapat dibahagikan kepada beberapa kumpulan utama sebagaimana pembahagian masyarakat Orang Asli di Malaysia secara amnya. Melalui struktur pembahagian masyarakat asli di Kelantan, secara khususnya masyarakat Orang Asli boleh dikategorikan kepada dua kumpulan utama iaitu Negrito dan Senoi.<sup>16</sup> Namun begitu kaum Melayu Asli tidak dikategorikan antara kaum yang menetap di Kelantan.

Dua kumpulan besar ini telah dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil pula. JHEOA memperkenalkan sebanyak 18 rumpun bangsa dari kumpulan tersebut, tetapi ahli antropologi membahagikan lebih dari 18 rumpun bangsa.<sup>17</sup> Jumlah yang melebihi 18 suku kaum adalah kerana berlaku perkahwinan campur antara rumpun bangsa dan wujudnya nama baru bagi rumpun bangsa berkenaan.<sup>18</sup> Ini bermakna 12 rumpun sahaja yang wujud di Kelantan bersandarkan kepada dua kumpulan besar utama dari Negrito dan Senoi.

### 3.2.1 Kumpulan Negrito.

Orang asli kumpulan Negrito terdiri dari rumpun bangsa Kintak, Kinsui, Jahai, Mendriq, Batek dan Ianoh.<sup>19</sup> Rumpun ini secara umum yang terdapat di Malaysia,

<sup>16</sup>JHEOA, (tt), **Penempatan Dan Pembahagian Suku Kaum Orang Asli**, JHEOA, Kota Bharu.

<sup>17</sup>Dr. Iskandar Carey, (1970), **The Religious Problem Among The Orang Asli**, JMBRAS, Vol XXXXIII, Julai, Part I, hal 57

Hood Salleh, (1985), **Orang Asli: Siapa Mereka**, Dewan Budaya, DBP, Kuala Lumpur, Julai, hal 48.

<sup>18</sup>Dr. Iskandar, Carey, (1970), Op cit, hal 57.

<sup>19</sup>Awang Hasmadi Awang Mois, (1978), **Orangs Asli Di Semenanjung : Organisasi & Perubahan**, Dewan Masyarakat, DBP, Kuala Lumpur, Feb, hal 1.

namun begitu secara khususnya di Kelantan tiga rumpun sahaja yang ada iaitu Jahai, Batek dan Mendriq. Menurut pengkajian sejarah kumpulan ini adalah kumpulan yang tertua tiba di Semenanjung Tanah Melayu<sup>20</sup> Mereka tiba di sini kira-kira 25,000 tahun yang lalu, tetapi ini hanya sebagai “guess work”<sup>21</sup> sahaja.<sup>22</sup> Tetapi ada teori lain pula menafikan tentang kedatangan mereka sebagai “guess work”. Kerana pada teorinya mereka datang lebih awal dan menetap di sini. Faktor mempengaruhi kedatangan mereka ke sini seperti juga masyarakat biasa yang lain, adalah untuk mencari makan dan tempat hidup melalui pergerakan dari satu tempat ke satu tempat.<sup>23</sup> Apapun hakikatnya mereka adalah kumpulan yang tertua tiba di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi kedatangan mereka tidak ada dalam catatan sejarah dan dokumen yang menerangkan hal ini.<sup>24</sup> Ini antara sebab yang boleh dikatakan bahawa mereka adalah pribumi di tanah asing. Bilangan mereka tidaklah begitu ramai jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan lain. Kumpulan Negrito adalah dikaitkan dengan kaum Asli di Afrika dan keturunan mereka di tempat-tempat lain.<sup>25</sup> Perwatakan mereka dilihat dari bentuk fizikal berambut kerinting dan berkulit hitam. Menurut catatan

<sup>20</sup> Evans, Ivor H.N, (1923), **Studies in Religion, Folk-Lore and Custom in British North Borneo and Malay Peninsula**, Cambridge : The University Press.

Brandt, John H., (1961), **The Negrito Of Peninsula Thailand**, Journal Of Siam Society, Vol XLIV part II, hal 125.

<sup>21</sup> Guess Work: Bermaksud orang suruhan atau hamba.

<sup>22</sup> Zakuani b. Sawai, (1997), Op cit, hal 11.

<sup>23</sup> Hasan Mat Nor, (1998), **Temubual, Jabatan Antropologi & Sosiologi**, UKM, Bangi, 2 Okt.

<sup>24</sup> Dr. Iskandar Carey, (1968), **Orang Asli and Social Change**, FMJ. Vol XIII(New Series), Jabatan Muzium Semennanjung, Kuala Lumpur, hal 48.

<sup>25</sup> Dr. Teuku Iskandar, Op cit, hal 925

Abdullah Munshi, mereka seakan orang Habshi, rambut keriting dan berbibir tebal.<sup>26</sup> Gambaran-gambaran yang diberikan ini melalui beberapa catatan menunjukkan banyak persamaan yang menyebabkan rupa mereka mudah kita keliru dan seakan sama dengan Negro di Afrika.

Pada peringkat awal kedatangan mereka dahulu adalah sebagai pengembara yang mengembara dari satu tempat ke satu tempat lain dan tidak mempunyai tempat kediaman kekal.<sup>27</sup> Penempatan mereka dengan membina bangsal-bangsal kecil sementara untuk singgah dalam pengembaraan-pengembaraan mereka bukan sekadar Kampung ke Kampung malah melibatkan kawasan yang agak luas. Mereka mengembara dan berpindah randah dari Kelantan utara melalui Perak Utara sampai ke selatan Thailand dan kembali semula ke tempat asal mereka. Kadang-kadang mereka singgah dan bekerja di Kampung-Kampung yang terpencil dan menetap di situ beberapa bulan.<sup>28</sup> Berasaskan kepada keadaan mereka yang tidak suka menetap, ini menjadikan mereka susah untuk berladang dan melakukan kerja-kerja tetap. Golongan ini bukan sekadar terdapat di Tanah Melayu malah wujud juga di Pulau Andaman, India, Filipina dan Irian Jaya.<sup>29</sup>

<sup>26</sup>Morgan W. S, (1948), **Kesah Tanah Melayu** (Ter) Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran, The Malay Publishing House Ltd. Kuala Lumpur, hal 3.

<sup>27</sup>Zakuan bin Sawai, Op cit, hal 11.

<sup>28</sup>Dr. Iskandar Carey, (1976), Op cit, hal 5.

<sup>29</sup>John, Alun, (1968), **The Orang Asli : An Out Line Of Their Progres In Modern Malaysia**, Journal Of Southeast Asia History, Vol IX, hal 289. Skeat Walter William, Op cit, hal 125. Evan I.N.H, Op cit, hal 504.

Ahli antropologi menggunakan perkataan Negrito apabila mereka mahu merujuk kepada kaum Asli Aetas di Filipina, orang Semang di Semenanjung Malaysia dan kumpulan Asli di pulau Andaman India.<sup>30</sup> Di andaikan ketiga-tiga kumpulan Negrito di Barat Daya Asia ini berhubung dari segi sejarah, tetapi hubungan mereka belum pernah dibuktikan.<sup>31</sup> Hal ini agak sukar untuk membuktikan kerana golongan ini tidak mempunyai persamaan bahasa yang digunakan.<sup>32</sup>

### 3.2.2 Kumpulan Senoi.

Senoi adalah salah satu daripada masyarakat yang utama wujud di Tanah Melayu dan menjadi bernilai kepada mana-mana kajian sejarah. Masyarakat ini terdiri daripada rumpun Temiar, Semai, Che Wong, Jah Hut, Semoq Beri dan Mahmeri.<sup>33</sup> Tetapi bila dilihat kepada rumpun Asli yang terdapat di Kelantan tidak kesemuanya akan kita dapati, namun begitu hanya satu dari 6 rumpun sahaja yang terdapat iaitu rumpun Temiar.<sup>34</sup> Rumpun bangsa ini merupakan rumpun bangsa yang kedua berada atau menjelaki di Tanah Melayu dan merupakan kumpulan yang terbesar dari kalangan kaum lain.<sup>35</sup> Menurut satu kenyataan tentang masyarakat asli Senoi bahawa mereka mulai masuk dan mencari rezeki di Tanah Melayu semenjak 5,000 tahun yang

<sup>30</sup> Amran Kasimin, Op cit, hal 6.

<sup>31</sup> Ibid, hal 6.

<sup>32</sup> Skeat, Walter William, Op cit, hal 125.  
Jones Alun, Op cit, hal 287.

<sup>33</sup> Awang Hasmadi Awang Mois, Op cit, hal 6.

<sup>34</sup> Temubual Dengan En. Harun b. Che Muda, Pegawai JHEOA, Kota Bharu, 24 Oktober, 1998.

<sup>35</sup> Awang Hasmadi Awang Mois, Op cit, hal 6.

lampaui.<sup>36</sup> Kehadiran mereka ke sini amat jauh jarak dengan kaum Negrito, walaupun demikian berkembang biak dalam masyarakat itu menyebabkan mereka dikategorikan sebagai rumpun yang terbesar dari kalangan orang Asli.

Dalam kita mengenali masyarakat Senoi, jelas dapat dilihat bentuk fizikal mereka adalah lebih tegap, lebih tinggi dari Negrito.<sup>37</sup> Warna kulit kekuningan, berambut genjur, cenderung memiliki kepala yang panjang berbanding orang Negrito berkepala bulat dan sederhana.<sup>38</sup>

Kumpulan ini asalnya berkembang biak di pulau-pulau Hindia Timur dan masih terdapat keturunan ini mendiami gunung-gunung di pulau-pulau Borneo, Sumatera dan Bugis.<sup>39</sup>

Walau bagaimanapun terdapat percanggahan pendapat tentang asal-usul kumpulan ini. Ada teori yang dikemukakan mengatakan dan mendapati kumpulan kaum Senoi adalah dari keturunan Austroloid dan Veddoid<sup>40</sup> menurutnya Austroloid bermaksud keturunan yang berasal dari Wilayah alam Melayu dan benua Afrika. Manakala Veddoid pula ialah keturunan yang berasal dari Sri Lanka dan Selatan India.<sup>41</sup> Yang jelasnya orang Senoi adalah orang Indonesia bersaudara dengan orang

<sup>36</sup>JHEOA, (tt), *Sejarah Permaisuri Orang Asli*, JHEOA, Kota Bharu.

<sup>37</sup>Evan, (1925), Op cit, hal 505.

<sup>38</sup>Morgan W.S, Op cit, hal 5.

<sup>39</sup>Ibid, hal 6.

<sup>40</sup>Winstedt R.O, (1950), *The Malaya A Culture History*, Routledge & Kegan Paul, London, hal 8

<sup>41</sup>Zakuan b. Sawai, Op cit, hal 13.

Dayak di Borneo, juga berkaitan dengan penduduk bukit di Selatan China, Indonesia dan kepulauan Melayu.<sup>42</sup> Berkemungkinan juga kumpulan Senoi juga tergolong bangsa Dravido Australia. Wakil golongan ini ialah orang Veda; suku kaum liar di Sri Lanka, orang Tamil yang bertamaddun di Selatan India dan orang Asli Australia.<sup>43</sup> P.W. schmidt berpendapat bahawa asal-usul orang Senoi ialah dari bangsa Mon-Khmer. Mereka mempunyai hubungan kaum dengan suku kaum di kawasan pergunungan Kemboja dan Vietnam.<sup>44</sup>

Dari segi fizikal menunjukkan orang Senoi mempunyai hubungan rapat dengan suku kaum Asli di Kemboja dan Vietnam yang berkulit kekuningan seperti orang Melayu dan China<sup>45</sup> berbanding dengan orang India Selatan atau Sri Lanka yang umumnya berkulit hitam.<sup>46</sup>

Kenyataan tentang persamaan ini diperkuatkan lagi dari segi persamaan bahasa dan dialek-dialek.<sup>47</sup> Dialek bahasa Orang-orang Senoi mempunyai persamaan dengan bahasa Mon-Khmer yang dituturkan oleh orang bukit Vietnam.<sup>48</sup>

<sup>42</sup> Skeat, Walter William, Op cit, hal 126.

<sup>43</sup> Zakuan b. Sawai, Op cit, hal 13.

<sup>44</sup> Skeat, Walter William & Blagden. Charles Otto, (1906), *Pegan Race Of Malay Peninsula*, Vol 1, Frank Cass & Co. Ltd, London, hal 29

<sup>45</sup> Hunt P. D. R, Major Williams, (1952), *An Introduction To The Malayan Obrigines*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, hal 29

<sup>46</sup> Skeat, Walter William, (1902), Op cit, hal 16.

<sup>47</sup> Dr. Iskandar Carey, (1976), Op cit, hal 25.

<sup>48</sup> Dentam, (1968), *The Senoi : A Nonviolent People Of Malaya*, Holt Rinehart & Winston, USA, hal 1.

Jone Alun, (1968), Op cit, hal 287.

Dari segi geografi, Kemboja dan Vietnam adalah lebih dekat dengan semenanjung Tanah Melayu berbanding dengan Australia dan selatan India yang boleh dimasuki dengan melalui jalan darat<sup>49</sup> Orang Senoi tidak perlu menyeberang laut untuk sampai ke Tanah Melayu dan sebab itulah belum pernah dibuktikan bahawa orang Senoi adalah pelaut yang mahir.<sup>50</sup>

Dapat disimpulkan dari apa yang dikaji bahawa masyarakat Orang Asli di Kelantan tergolong dalam dua kumpulan besar sahaja iaitu Negrito dan Senoi. Terdapat 12 puak dalam kumpulan ini yang mana dari dua puak ini masyarakat Senoi adalah masyarakat yang paling ramai di Kelantan. Jumlah penduduk mengikut kaum yang berada di Kelantan dalam perangkaan 1994 ialah dari kalangan Negrito seramai 709 orang dan Senoi seramai 6,085 orang. Walaupun begitu perangkaan bagi tahun-tahun lain tidak didapati oleh penulis, namun apapun sehingga sekarang masyarakat Senoi masih mengatasi kumpulan-kumpulan lain di Kelantan dengan jumlah yang terbesar<sup>51</sup>.

### 3.3 Jumlah Penduduk Masyarakat Orang Asli di Kelantan.

Data perangkaan menunjukkan penambahan orang Asli di Kelantan Meningkat dari tahun ke setahun dengan jumlah yang begitu ramai. Kelantan mempunyai penduduk Orang Asli yang ketiga teramai di semenanjung Malaysia.

<sup>49</sup>Zakuan b. Sawai, Op cit, hal 14.

<sup>50</sup>Amran Kasimin, (1993), Op cit, hal 9.

<sup>51</sup>En. Harun Che Muda, Op cit.

Semenjak akhir-akhir ini pertambahannya agak ketara. Jumlah keseluruhan mengikut bancian terbaru bagi tahun 1998 seramai 8,000 orang.<sup>52</sup>

#### PENDUDUK ORANG ASLI NEGERI KELANTAN 1991-1996.

BIL	NAMA POST	1991		1992		1993		1994		1995		1996	
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
1	BROOK	518	459	543	489	564	499	585	526	607	561	639	597
2	HENDROP	300	288	304	311	307	317	316	330	330	339	343	361
3	BLAU	110	102	113	105	114	113	121	121	129	126	134	128
4	KUALA BETIS	505	596	523	515	542	534	558	548	574	579	594	604
5	HAU	199	173	204	188	207	193	218	193	220	195	228	207
6	BELATIM	143	141	151	149	157	155	163	153	174	156	176	158
7	BALAR	150	124	150	128	151	131	158	135	164	140	174	144
8	SIMPOR	89	97	96	102	105	106	108	103	108	112	115	116
9	GOB	241	237	246	243	259	255	262	262	263	268	275	270
10	PASIK	162	165	167	171	171	179	175	191	181	190	196	201
11	KUALA LAH	46	36	47	35	48	35	50	33	53	36	60	37
12	GEMALAH	34	39	34	41	33	42	32	40	32	41	32	41
13	KUALA WOK	90	95	92	99	95	100	98	97	95	93	98	96
14	PULAT	52	56	56	56	56	60	57	58	58	65	59	66
15	TOHOI	108	102	112	105	111	108	119	113	119	122	128	128
16	BIHAI	304	271	319	228	325	291	339	294	350	303	355	316
17	LEBIR	143	101	144	102	147	107	151	111	154	110	162	113
18	SG. RUAL	81	121	84	125	84	123	92	127	100	129	105	134
19	SG. TAKO	7	5	-	-	-	-	-	-	-	5	11	
<b>JUMLAH</b>		<b>6,390</b>		<b>6,577</b>		<b>6,842</b>		<b>7,037</b>		<b>7,276</b>		<b>7,606</b>	

Jadual 3.1

Data menunjukkan bahawa jumlah penduduk Orang Asli di Kelantan sehingga 1996 seramai 7,606 orang. Ini bermakna dalam tempoh dua tahun yang terakhir iaitu

<sup>52</sup> Temubual Us. Ahmad Nordin, Pegawai Agama, Majlis Agama Islam Kelantan, 5 Dis. 1998.

pada tahun 1997 dan 1998 sahaja bertambah jumlah penduduk Orang Asli di Kelantan seramai 396 orang termasuk lelaki dan wanita. Perincian tepat pembahagian jumlah lelaki dan wanita pada tahun 1997 tidak diperolehi.

### 3.4 Kepercayaan Agama Yang Wujud Di Kalangan Masyarakat Orang Asli.

Setiap manusia secara individu mahupun bermasyarakat mempunyai kepercayaan sama ada kepercayaan itu pada perkara yang benar ataupun batil. Kepercayaan-kepercayaan yang wujud dikalangan masyarakat manusia adalah boleh dikaitkan dengan sistem kehidupan sosial atau suasana sekitar merupakan antara faktor yang mempengaruhi kepada lahirnya agama dan anutan yang bermacam-macam.

Jadi tidak hairan kalau diteliti dalam masyarakat Orang Asli, fenomena kepercayaan kepada sesuatu perkara wujud dan lahir terutama apabila sesebuah masyarakat itu tidak percaya kepada kekuasaan Ilahi yang menjadikan alam ini. Dengan ini lahirlah kepercayaan kepada kuasa lain, di mana mereka menganggap boleh memberi sesuatu kebaikan kepada mereka. Kepercayaan kepada kuasa lain ini lahir dan tumbuh disebabkan oleh kejauhan mereka daripada menerima perkara benar dan keasingan mereka dari arus dakwah perdana serta penyebaran Islam atau lain-lain agama langit.

Sebenarnya sistem kepercayaan komuniti Orang Asli di semenanjung telah sekian lama menjadi minat kajian ahli-ahli antropologi tempatan mahupun luar

negeri,<sup>53</sup> walaupun begitu dalam penulisan ini tidaklah memberi penekanan kepada sistem kajian dan minat pengkaji-pengkaji barat kepada kepercayaan masyarakat Asli. Ianya diambil sepantas lalu dalam mengenali masyarakat Asli di Tanah Melayu secara amnya mahupun di Kelantan secara khusus.

Menurut kenyataan Hood dalam huraianya mengenai tumpuan penyelidikan Barat untuk mencari kepastian terhadap agama dan kepercayaan Orang Asli, mendapati bahawa pemikiran penyelidikan barat menjadi kabur dan celaru.<sup>54</sup> Mereka tidak berhasil mendapat satu keputusan bagi menentukan bentuk amalan mahupun kepercayaan Orang Asli. Walaupun begitu tidak boleh dinafikan bahawa mereka mempunyai kepercayaan tertentu.

Secara keseluruhannya masih ramai masyarakat orang Asli berpegang kepada kepercayaan Animisme. Mereka percaya adanya makhluk-makhluk pada tumbuh-tumbuhan dan juga di lain-lain tempat.<sup>55</sup> Kepercayaan ini adalah turun temurun dari nenek moyang mereka. Fenomena alam dan keadaan hutan belantara menjadi faktor utama mempengaruhi kepercayaan mereka. <sup>56</sup>Hujan, ribut, guruh, petir, banjir, gunung ganang, air terjun, sungai, batu-batu besar, keadaan pokok yang aneh

<sup>53</sup>Hood Salleh, (1978), *Upucara ‘Belian’ Satu Upucara-Amal Pembomohan Semelai*, Dewan Masyarakat, DBP, Kula Lumpur, Febuari, hal 14.

<sup>54</sup>Hood Salleh, (1985), Op cit, hal 49.

<sup>55</sup>Awang Hasmadi Awang Mois, Op cit, hal 9.

<sup>56</sup>Dr. Iskandar Carey, (1976), Op cit, hal 176.

mempunyai kesan mendalam dalam amalan kepercayaan mereka.<sup>57</sup>

Dari sistem kepercayaan dan amalan mereka jugalah dapat di ketahui perbezaan kumpulan sesama mereka. Suasana yang dipengaruhi oleh alam sekeliling ataupun penempatan yang berbeza bagi sesuatu rumpun telah mempengaruhi kepercayaan mereka yang menghuni kawasan tersebut.

Dalam banyak rumpun yang terdapat, mereka mempunyai kepercayaan yang berbeza. Walaupun begitu ianya saling mempengaruhi antara satu sama lain, tapi tidak dinafikan kadangkala ditemui tentang kepercayaan di kalangan satu rumpun hampir sama dengan rumpun yang lain. Contohnya rumpun bangsa Jahai mereka menerima amalan kepercayaan daripada rumpun bangsa Temiar. Amalan dan kepercayaan rumpun bangsa Temiar sendiri tidak begitu lengkap dan ianya ditokok tambah oleh rumpun bangsa Jahai dan dikembangkan pula pada rumpun bangsa lain dalam kumpulan kaum Negrito. <sup>58</sup>Manakala Brandt pula menyebut bahawa terdapat unsur-unsur “reincarnation”<sup>59</sup> di kalangan kumpulan Negrito di selatan Thailand yang

<sup>57</sup> Ibid, hal 176.

<sup>58</sup> Schebesta, Paul. (1923), **Among The Forest Dwarfs Of Malaya**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hal 126.

<sup>59</sup> “reincarnation” bermaksud Jelmaan

di pengaruhi oleh agama Buddha.<sup>60</sup>

### 3.4.1 Kepercayaan Negrito.

Negrito adalah rumpun bangsa yang wujud dan terdapat di Tanah Kelantan. Mereka ini tidak ketinggalan dalam kita membicarakan mengenai sistem kepercayaan di kalangan masyarakat Orang Asli. Kumpulan kaum Negrito mempercayai bahawa dunia ini didiami oleh berbagai jenis dewa dan makhluk supernatural. Antara dewa yang penting ialah “Orang Hidup” yang menjelma sebagai kilat, ribut, hujan dan binatang liar. “Orang Hidup” ini tidak akan mati berbeza dengan manusia biasa. “Orang Hidup” yang paling penting dan terkenal ialah “Tok Pedin”.<sup>61</sup> “Tok Pedin” mencipta dunia serta manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, bunga-bungaan dan segala benda-benda hidup.<sup>62</sup>

“Tok Pedin” mempunyai seorang pembantu bernama “Karei”. Kadang-kadang “Karei” dianggap lebih mustahak kerana “Karei” bertugas menghukum orang-orang yang melanggar pantang hidup.<sup>63</sup> Apabila berlaku sesuatu kesalahan dalam masyarakat, “Karei” akan menurunkan hujan dan ribut, mendatangkan binatang liar, seperti harimau, gajah, dan sebagainya. Rumpun bangsa Kinsui menganggap “Karei” anak lelaki “Tok Pedin.”<sup>64</sup> Isteri “Karei” bernama “Yak Manoi”. Kadang-kadang

<sup>60</sup> Brandt, John H. (1961), Op cit, hal 152.

<sup>61</sup> Baharon Azhar Raffie'i, Op cit, hal 35.

<sup>62</sup> Dr. Iskandar Carey, (1970), Op cit, hal 94

<sup>63</sup> Schesbesta, Paul, (1923), Op cit, hal 10.

<sup>64</sup> Dr. Iskandar Carey, (1976), Op cit, hal 94.

mereka digambarkan sebagai adik-beradik. Apabila "Karei" tinggal di syurga, "Yak Manoi" menetap di bumi. "Yak Manoi" digambarkan sebagai dewa yang lemah lembut dan bertimbang rasa. Beliau mengatur perjalanan hidup manusia. Dia selalu merayu kepada "Karei" untuk meringgankan hukuman kepada manusia yang melanggar pantang.<sup>65</sup>

Selain dari dewa-dewa tersebut ada lagi dewa agak rendah kuasanya dipanggil "Chinoi". Walaupun "Chinoi" dilihat sebagai manusia biasa, mereka sangat kecil dan tidak dapat dilihat dengan mata biasa. Terdapat beribu-ribu "Chinoi", ada yang tinggal di syurga dan ada yang tinggal di bumi. "Chinoi" bertanggungjawab menjadi dan menyuburkan hutan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Tanpa pertolongan "Chinoi" manusia tidak mempunyai makanan dan akan mati kelaparan.<sup>66</sup> "Chinoi" juga digambarkan sebagai orang perantaraan antara manusia dan dewa-dewa. Di bawah "Chinoi" terdapat "Halaak" dan "Shaman"<sup>67</sup> yang bertindak sebagai orang tengah antara manusia biasa dengan "Chinoi". "Halaak" adalah manusia biasa yang mempunyai keistimewaan dapat berhubung dengan dewa-dewa. Selalunya "Halaak" dikenali juga sebagai "bomoh" dalam masyarakat Negrito.<sup>68</sup> Kepercayaan "Halaak" ini secara khususnya didapati dalam kaum Temiar di Kelantan.<sup>69</sup>

<sup>65</sup>Ibid, hal 95.

<sup>66</sup>Ibid, hal 76.

<sup>67</sup>Ibid, hal 96.

<sup>68</sup>Zakuan b. Sawai, Op cit, hal 26.

<sup>69</sup>Che Harun Che Muda, (tt), **Kepercayaan Orang Asli, Kertas Kerja Projek, JHEOA, Kota Bharu.**

Selain dari dewa tersebut, masyarakat Negrito juga mempercayai ada beberapa dewata lain yang bertanggung jawab mengenai ribut, taufan, hujan, banjir, tumbuh-tumbuhan, batu-batu besar dan sebagainya. Masyarakat Negrito juga mempercayai adanya akhirat, Syurga dan Neraka.<sup>70</sup>

### 3.4.2 Kumpulan Senoi.

Kumpulan Senoi juga sama dengan suku-suku lain yang mempunyai kepercayaannya tersendiri. Mereka mempercayai adanya seorang dewa yang mahakuasa dan mempunyai berbagai kuasa. Empat nama diberikan kepadanya : tiap-tiap satunya dikaitkan dengan kuasa tertentu. Namanya adalah Engku, Karei, Hilok dan Hiwok.<sup>71</sup>

Dewata-dewata ini mempunyai kuasa berlaku adil. Sesiapa yang melanggar adat akan dihukum dan sesiapa berbuat baik akan diberi rahmat. Orang yang melanggar pantang larang digelar "Mashik" yang bererti "kotor".<sup>72</sup>

Kumpulan Senoi juga percaya adanya makhluk lain yang terdapat pada segenap tempat dan tumbuhan. Kepercayaan masyarakat Asli pada sesuatu seakan

<sup>70</sup> Baharin Azhar Raffie'i, (1973), **Parit Gong : An Orang Asli Community in Transition**, Disertasi Ph. D, King College, Cambridge University, hal 35

<sup>71</sup> Awang Hasmadi Awang Mois, (1978), Op cit, hal 9.

<sup>72</sup> Dr. Iskandar Carey, (1976), Op cit, hal 196.

sama.<sup>73</sup> Cuma nama Tuhan sahaja yang berlainan. Mereka sangat mempercayai tentang kewujudan ini akan mendatangkan bala atau rahmat di atas segala tingkah laku mereka.

Walaupun begitu segala dosa yang dilakukan boleh ditebus dengan cara-cara yang tertentu. Untuk menebus segala kesalahan dan dosa, orang bersalah mesti melukakan kaki di bahagian tulang keringnya. Darah dari kaki itu diambil dan dicampurkan dengan air. Campuran air dan darah tersebut disimbah ke langit dan bumi sebagai pemujaan penebus dosa kepada dewata.<sup>74</sup>

Selain dewata di atas, terdapat jin dan dewa-dewa lain yang mempunyai tugas-tugas tertentu seperti menjaga sesuatu kawasan gunung, bukit, gua, air terjun, pokok-pokok besar dan sebagainya. Apabila berlaku sesuatu pantang larang yang dilanggar oleh orang kampung, akan berlaku hujan lebat, petir dan ribut menandakan kemurkaan dewata.<sup>75</sup>

Kumpulan bangsa Temiar dari kumpulan Senoi mempercayai adanya hidup selepas mati. Apabila seseorang meninggal dunia rohnya akan pergi kearah matahari terbenam. Alam hidup selepas mati dipenuhi dengan keindahan. Manusia akan ditempatkan di kawasan yang dipenuhi dengan pokkok-pokok rendang dan cantik dengan bunga-bungaan beranika warna, malah terdapat berbagai jenis buah-buahan.

<sup>73</sup> Awang Hasmadi Awang Mois, Op cit, hal 9.

<sup>74</sup> Zakuan b. Sawai, Op cit, hal 21.

<sup>75</sup> JHEOA, 1982, **Nong Pai**, Mei - Ogos, hal 14.

Keadaan suhu sentiasa nyaman, tidak ada matahari atau bulan, cuma ada seolah-olah seperti cahaya yang samar-samar.

Kehidupan disana sentiasa muda dan cantik. Mereka dapat menemui kawan-kawan dan jiran-jiran semasa hidup di dunia.<sup>76</sup>

Seperti juga bangsa Mahmeri, kumpulan kaum Senoi ada kepercayaan tersendiri. Mereka mempercayai adanya kuasa yang paling tinggi dipanggil "Tuhan" yang menjadikan dunia dan segala apa yang ada di dunia ini. Di bawah kuasa yang paling tinggi terdapat "Moyang" yang dirujuk kepada mereka yang terkenal semasa hidupnya.<sup>77</sup> Di bawah "Moyang" terdapat kuasa-kuasa lain seperti hantu, roh, iblis dan jin.

Kepercayaan Mahmeri seakan sama dengan i'tiqad masyarakat Islam, cuma kelainannya adalah pengunaan nama kepada makhluk di bawah kuasa "Tuhan". Apapun hakikatnya i'tiqad masyarakat Islam bahawa makhluk di bawah "Tuhan" tidak ada kuasa malah sebagai pengawas kepada "Tuhan" kepada makhluk yang dikenali sebagai malaikat. Walaupun kepercayaan seakan sama, namun kepercayaan masyarakat Asli jauh menyimpang dari akidah sebenar.

Di samping kepercayaan yang ada di kalangan mereka namun begitu mimpi memainkan peranan penting dalam aturan hidup, pantang larang dan kepercayaan

<sup>76</sup>Dr. Iskandar Carey, (1976), Op cit, hal 199.

<sup>77</sup>Ibid, hal 202.

masyarakat Senoi. "Halaak" mendapat fahaman ilmu dan pantang larang melalui mimpi. Selalu "Halaak" adalah seorang lelaki yang agak berumur dan terdapat juga dari kalangan kaum wanita, tetapi bilangannya agak kecil.<sup>78</sup> Seorang yang menjadi "Halaak" akan bermimpi mengenai binatang buas (selalunya harimau) yang memberi sesuatu arahan mengenai sesuatu pantang atau untuk mengubati sesuatu penyakit. Orang yang bermimpi itu mestilah berjanji dengan "Gunig", penunggu binatang itu. Janji itu seperti tidak memakan daging binatang berkenaan, membunuh, atau menyebut binatang berkenaan.\*

### 3.5 Penyebaran Agama Lain di Kalangan Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli pada peringkat awal adalah satu masyarakat yang mempunyai kepercayaan tersendiri. Kepercayaan-kepercayaan ini bergantung kepada keadaan tempat sekeliling mereka yang mana apabila sesuatu keadaan itu mempengaruhi hidup mereka, maka mereka akan percaya dan meletakkan sebagai tuhan.<sup>79</sup>

Perubahan masa dari satu peringkat ke satu peringkat, telah menjana kehidupan dan memberi satu idea baru bagi diri mahupun masyarakat mereka menilai sesuatu yang baru untuk menentukan corak kehidupan mereka yang seterusnya.

<sup>78</sup> Ibid, hal 200.

\* Adalah menjadi pantang kepada suku kaum Senoi menyebut binatang liar dengan nama seperti harimau atau gajah. Sebaliknya binatang-binatang tersebut diberi gelaran, seperti harimau ; Orang kuat, gajah ; Orang besar.

<sup>79</sup> En. Idrous Sulaiman, Op cit.

Kedatangan berbagai idea-idea baru dalam masyarakat mereka telah memberikan mereka pilihan membentuk kepercayaan dan menentukan halatuju yang berbeza.

Idea-idea baru ini, sama ada mereka terima melalui pengaruh di tempat kerja ataupun kedatangan golongan-golongan yang memang mahu menyebarkan agama mereka<sup>80</sup> di penempatan Orang Asli. Dengan kedatangan golongan inilah telah meletakkan mereka dapat memilih berbagai agama sebagaimana mereka menerima Islam. Antara agama lain yang wujud selain agama Islam ialah seperti agama Bahai, Kristian dan lain-lain lagi.

Dapat disimpulkan di sini bahawa perubahan kepercayaan yang berlaku dari agama asal kepada agama lain adalah disebabkan oleh tanggapan mereka bahawa ianya akan merubah kehidupan diri, keluarga dan masyarakat mereka dalam berbagai aspek.

### 3.6 Penyebaran Islam Di kalangan Orang Asli.

Istilah Islam pada umumnya adalah nama bagi agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t melalui Nabi-nabi dan Rasul-rasul kepada umat manusia untuk dianuti dan dihayati demi kesejahteraan mereka dunia dan akhirat. Segala ajaran para Nabi terdahulu terkandung dan disudahkan oleh nabi terakhir Muhammad s.a.w yang merupakan penutup kepada segala wahyu Ilahi. Ajaran dan dasar yang dibawa oleh baginda s.a.w dinyatakan dengan jelas dan terang di dalam al-Qur'an.

---

<sup>80</sup>En. Ahmad Nordin, Op cit.

Islam merupakan agama yang global kerana ia diturunkan untuk umat manusia tanpa batasan geografi dan masa. Penyebaran dan perluasan agama Islam telah menjadi catatan dan fakta sejarah dan ianya telah berjaya menelusuri era globalisasi serta berkembang keseluruh pelusuk dunia. Dalam hal ini ketamaddunan bukan lagi sekadar gambaran material semata-mata, namun ketamaddunan dalam erti katanya yang sebenar mula berlaku ke atas manusia apabila mereka menyahut nilai-nilai etika Islam dalam kehidupan seharian berteraskan al-Quran dan al-Hadis yang menjadi agenda utama. Hakikat ini jelas, pada zaman keemasan Islam iaitu pada kurun yang ke-6 Hijrah.

Islam bukan satu nilai diperturunkan oleh Allah hanya untuk satu-satu kaum atau bangsa sahaja tetapi adalah hak bagi semua manusia. Ini bermakna masyarakat Orang Asli tidak terlepas dari dipertanggungjawabkan dengan segala bentuk akidah dan nilai budi yang berteraskan al-Quran dan al-Hadis berpaksikan kepada pengucapan dua kalimah syahadah. Dengan pengucapan ini masyarakat Orang Asli mahupun individu lain, wajib menghayati nilai-nilai syariah dalam semua aspek kehidupan. Proses yang berlaku dalam masyarakat Orang Asli dari satu tahap yang tidak mengetahui apa-apa sehingga berada dalam Islam adalah disebabkan oleh usaha-usaha yang berpanjangan menyambung kesinambungan penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad s.a.w. Usaha-usaha itu telah menjadi tanggungjawab sekalian manusia selepasnya atas dasar kesedaran bahawa Islam adalah untuk semua manusia di muka bumi ini. Antara badan-badan yang berperanan dalam penyebaran Islam untuk masyarakat Orang Asli di Kelantan ialah seperti Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), PERKIM, ABIM dan JHEOA. Apapun dalam hal ini JHEOA lebih

menekankan kepada aspek kebajikan dan pembangunan masyarakat Orang Asli dan sebagai pembantu kepada gerakan penyebaran Islam.

Masyarakat orang Asli adalah kaum minoriti yang sebilangan besarnya tinggal di kawasan pendalaman negeri ini. Sungguhpun mereka termasuk dalam takrif bumiputera seperti orang Melayu, namun taraf sosio-ekonomi mereka masih ketinggalan dan mereka masih tidak mempunyai pegangan hidup yang dipanggil ‘agama’.

Menyedari hakikat bahawa kaum Orang Asli perlu membangun, baik dari sudut jasmani (kebendaan) maupun dari sudut rohani, maka usaha-usaha sedang dan telah dilakukan untuk mengubah keadaan hidup mereka menerusi program pengislaman dengan keyakinan bahawa untuk jangka panjang usaha tersebut akan melahirkan masyarakat Orang Asli yang berkemampuan dan bertamadun seimbang dengan kaum-kaum lain dalam apa jua kegiatan dan aktiviti hidup.<sup>81</sup>

### 3.6.1 Sejarah.

Masyarakat orang Asli bukan lagi berada dalam era permulaan ataupun zaman silam malah telah banyak berubah dan mula mengenali Islam. Islam mula bertapak dan boleh diterima oleh masyarakat orang Asli sebagai suatu anutan kepercayaan

<sup>81</sup>Hj. Nik Hassan b. Dato' Hj. Nik Yusoff, (1993), **Pengenalan Rengkas Masyarakat Orang Asli Adat Resam dan Kebudayaan**, JHEOA Kel/Trg., Kota Bharu, hal 1.

menggantikan animisma yang menjadi anutan sekian lama semenjak beribu tahun yang lampau.

Kajian-kajian banyak memperkatakan tentang penyebaran Islam di kalangan Orang Asli dan memberi beberapa bukti yang jelas menunjukkan bahawa mereka telah menerima Islam sebagai kepercayaan baru dalam hidup mereka. Apabila mereka mengenali Islam banyak yang mereka pelajari tentang kebaikan Islam. Jadi tidak hairanlah altenatif mereka sekarang ini lebih cenderung kepada agama Islam. Mereka juga sedar bahawa Islam juga boleh memberi kebaikan kepada mereka dalam dua aspek iaitu rohani dan jasmani. Dari segi rohani mereka mula mengetahui tentang pengajaran Islam yang dibawa oleh pendakwah-pendakwah akan membawa mereka untuk kebaikan dunia dan akhirat. Dari segi jasmani pula mereka tidak kurang juga mendapat habuan berupa makanan dan lain-lain untuk menyara kehidupan mereka sehari-hari. Cuma permasalahan yang timbul dari kalangan mereka ialah adakah mereka betul-betul menghayati apa yang mereka ambil dan pelajari dari syariah Islam ? Menurut En Nordin Abdullah, mubaligh PERKIM yang banyak terlibat dalam program dakwah Orang Asli menyatakan bahawa mereka akan menghayati ajaran Islam apabila ada orang lain yang berperanan berada bersama mereka dalam kehidupan sehari-hari mereka.<sup>82</sup> Ini disebabkan oleh keadaan mereka yang kurang pendedahan kepada amalan-amalan agama. Dalam mengatasi hal ini memerlukan badan yang bertanggungjawab membina penempatan untuk selalu bersama masyarakat Orang Asli bagi memperkemaskan amalan-amalan mereka. Islam mula

---

<sup>82</sup>. Temubual Dengan En. Nordin Abdullah, Mubaligh PERKIM, Pejabat PERKIM, Kota Bharu, 23 November 1998.

bertapak dan diterima oleh masyarakat orang Asli pada tahun 1983 iaitu di beberapa kawasan Tohoi, Kuala Betis dan Post Lebir. Antara kaum orang Asli yang mula-mula sekali memeluk Islam kaum Temiar.<sup>83</sup>

### 3.6.2 Sejarah Pemelukan Islam Orang Asli Di Kelantan.

Bila melihat kepada sejarah masyarakat Orang Asli di Kelantan secara khusus, bahawa masyarakat ini pada peringkat awalnya merupakan satu masyarakat yang tidak mengenali apa itu agama. Cuma mereka hanya meletakkan di hadapan mereka satu kepercayaan yang boleh memberi atau mendatangkan kebaikan kepada mereka dalam apa jua aspek kehidupan.

Selepas sekian lama mereka hidup dengan cara mereka, pihak kerajaan nampak bahawa masyarakat mereka ada potensi untuk maju dan menerima apa-apa perubahan yang dibawa, selaras dengan inilah pihak jabatan agama sama ada di peringkat pusat mahupun negeri mengambil peluang bersama JHEOA membentuk masyarakat Orang Asli dalam dua bidang sekaligus iaitu memberi sumbangan kebajikan dan memperkenalkan agama Islam.

Bermula di sinilah masyarakat Orang Asli mula mengenali agama Islam melalui gerakan badan-badan dakwah seperti MAIK dan sebagainya. MAIK mula menggerakkan dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli bermula pada tahun 1983,

<sup>83</sup>Temubual Dengan Us. Ahmad Nordin, Pegawai Dakwah, Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, 29 November 1998

di mana pada permulaan dakwah MAIK berjaya mengislamkan Orang Asli seorang di Pos Tohoi dan seorang di Post Kuala Betis. Berasaskan kepada pengalaman inilah MAIK meningkatkan gerakan dari tahun ke setahun sampai sekarang dan peningkatan pemeluk agama Islam di kalangan masyarakat Orang Asli begitu membanggakan.

### 3.6.3 Pihak Yang Bertanggung Jawab.

Dalam konteks kita membicarakan mengenai penyebaran Islam di kalangan Orang Asli, tidak hairanlah kita dapat mengetahui hari ini, bahawa masyarakat Asli telah ramai memeluk Islam hingga ada beberapa tempat sudah menjangkau 100% yang telah menerima Islam sebagai agama kepercayaan mereka. Ini semua adalah hasil usaha yang telah dilakukan oleh berbagai-berbagai pihak dalam merealisasikan tuntutan ini hingga sampai ke kawasan pendalaman. Antara pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini terutama di negeri Kelantan ialah:

- a) MAIK.<sup>84</sup>

MAIK adalah sebuah badan yang terletak di bawah kerajaan negeri. Ianya diketuai oleh D.Y.M.M Sultan Kelantan sebagai ketua agama. Majlis Agama Islam Kelantan juga bertindak sebagai penasihat kepada Sultan dalam apa-apa hal keagamaan. Di samping itu penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) adalah untuk meningkatkan komitmen masyarakat Kelantan kepada agama Islam. Kerana

---

<sup>84</sup>MAIK dikenali dengan Majlis Agama Islam Kelantan. Ditubuhkan pada 24 Dis, 1915, bersamaan 17 Safar, 1334 oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke IV yang menjadi Sultan pada masa itu.

MAIK merupakan badan induk ugama Islam di negeri Kelantan. Antara lain program yang dititikberatkan oleh MAIK ialah keagamaan, dakwah, pendidikan, pembangunan, ekonomi, pelaburan, kemasyarakatan dan sebagainya.<sup>85</sup> Di dalam Jabatan ini terdapat satu bahagian khusus yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan dakwah kepada Orang Asli.

Berasaskan ini, dakwah adalah antara objektif utama penubuhan MAIK bagi menjalankan program dakwah kepada Orang Asli. Banyak kawasan-kawasan penempatan orang Asli dibangunkan dari sudut keagamaan terutama memberi kesedaran kepada masyarakat Asli dan mengajak mereka memeluk Islam. Untuk menarik kepada itu, MAIK menjalankan berbagai aktiviti dengan menyediakan berbagai bentuk kebajikan kepada masyarakat Orang Asli di Kelantan, seperti selepas Orang Asli memeluk Islam mereka diberikan kursus kefahaman bagi menjaminkan lagi pengislaman mereka agar terus berkekalan. Secara umumnya bentuk program yang dijalankan oleh MAIK ialah terdiri dari tiga peringkat:

1. Pengislaman.
2. Penghayatan Islam.
3. Kebajikan

MAIK mula terlibat dalam dakwah Orang Asli secara khusus pada sekitar tahun 1983. Tempat yang menjadi persinggahan awal dalam dakwah kepada Orang Asli ialah di Kuala Betis, Tohoi, Sg. Rual dan Lebir.<sup>86</sup>

<sup>85</sup>Dato' Hj. Ashaari b. Hj. Abdullah, (1997), **Kata-Kata Aluan**, Buletin MAIK, Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, Januari - Jun, Bil 2, hal 2.

<sup>86</sup>Us. Ahmad Nordin, Op. Cit, 16 Sept, 99

b) PERKIM.<sup>87</sup>

PERKIM adalah salah satu badan NGO yang memainkan peranan besar dalam menyebarkan Islam dan menyediakan sumbangan kebaikan kepada orang bukan Islam dan saudara-saudara baru Islam. Ianya bukanlah satu badan kerajaan tetapi satu Pertubuhan dakwah dan Kebajikan. PERKIM mempunyai cawangan diseluruh negara. Badan ini bergiat cergas dalam menyebarkan dakwah kepada non-Muslim termasuk juga masyarakat Orang Asli di Kelantan dan menjaga kebaikan saudara/saudari yang baru memeluk Islam.<sup>88</sup>

Antara tujuan PERKIM ditubuhkan adalah untuk:

- i) Menjalankan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam dengan cara positif dan berkesan
- ii) Menjalankan kerja-kerja kebaikan termasuklah memberi derma/bantuan/pinjaman kepada saudara baru yang miskin/dhaif dan mereka yang berkelayakan.
- iii) Memberi perkhidmatan kaunseling/khidmat nasihat kepada saudara/ri yang bermasalah sama ada dalam hal rumahtangga atau masalah individu.
- iv) Berkerjasama dengan badan-badan Islam yang lain di dalam menyebarkan Islam kepada masyarakat.<sup>89</sup>

---

<sup>87</sup> PERKIM ditubuhkan pada 24 Ogos, 1975

<sup>88</sup> PERKIM, (tt), **Pengenalan Rengkas PERKIM Bahagian Negeri Kelantan**, Pusat Penerangan PERKIM, Kota Bharu, hal 2.

<sup>89</sup> Ibid, hal 2

Berasaskan kepada objektif-objektif inilah PERKIM memperluaskan penyebaran Islam kepada masyarakat Orang Asli sehingga pusat aktivitinya adalah di kawasan Pos Pulat.<sup>90</sup> Usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh PERKIM memperlihatkan kejayaan besar apabila kesemua lebih 300 penduduk Post Pulat, Gua Musang memeluk agama Islam.<sup>91</sup> Dalam mereka menyebarkan Islam mereka juga membina kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti musalla atau surau dan sebagainya. Walaupun gerakkerja dakwah yang dilakukan oleh PERKIM di Pos Pulat sahaja, namun mereka mempunyai perancangan masa depan untuk memperkembangkan lagi ke kawasan lain di seluruh Kelantan.<sup>92</sup> PERKIM mula terlibat dengan dakwah Orang Asli secara serius bermula pada tahun 1996.

c) ABIM.

ABIM adalah antara badan yang berperanan besar dalam merealisasikan penyebaran Islam melalui gerakan-gerakan dan penubuhan “Islamic Outreach” yang menyebabkan gerakan lebih kemas dan tersusun malah lebih luas. “Islamic Outreach” adalah salah satu biro ABIM yang ditubuhkan di peringkat pusat pada tahun 1986. Selepas itu diikuti dengan penubuhan “Islamic Outreach” bagi cawangan lain di seluruh negara. Penubuhan ABIM bagi cawangan Kelantan pada 8

<sup>90</sup> Temubual Dengan En. Nordin Abdullah, Mubaligh PERKIM, Pejabat PERKIM, Kota Bharu, 23 November 1998.

<sup>91</sup> Buletin, (1998), **Orang Asli Kelantan Semakin Berminat Kepada Islam**, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Oktober/Jamadilakhir1419, Bil 85/98, hal 1.

<sup>92</sup> Temubual En. Nordin Abdullah, Opcit.

Ogos 1988.<sup>93</sup> Ini memandangkan pada masa itu ABIM melihat banyak ruang-ruang kosong yang boleh dimainkan oleh ABIM dalam gerakkerja penyebaran Islam yang masih boleh diterokai. Penyebaran ini adalah bermatlamatkan kepada orang yang belum Islam dan membuat “follow up” apabila mereka telah memeluk Islam. Antara lain tujuan ABIM ialah untuk memberi kesedaran kepada golongan Islam yang tidak mengambil berat terhadap amalan-amalan Islam dengan lain perkataan ialah “golongan lepak”.

Dalam konteks Orang Asli, ABIM menekankan kepada 2 aspek utama iaitu supaya memeluk Islam dan usaha Tarbiyyah ke arah penghayatan Islam.<sup>94</sup> Ini adalah agar Orang Asli membuat penghayatan terhadap ajaran Islam secara elok dan tersusun. ABIM memulakan program terhadap Orang Asli pada tahun 1991 di Post Sg. Rual, Jeli. Kegiatan penyebaran Islam yang digerakkan oleh mereka bukan setakat itu sahaja, malah di beberapa tempat lain lagi sebagai target masa hadapan seperti Kuala Koh, Kuala Lah, Kuala Wok, Pasik, Blau, Tohoi, Redip, Hendrop, Mendrop, Tuan dan Tranik.<sup>95</sup>

d) JHEOA.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli(JHEOA) ditubuhkan dalam tahun 1953 atas sebab keselamatan. Pada asasnya penubuhan jabatan ini pada waktu itu ialah untuk

---

<sup>93</sup>Temubual Dengan En. Kamaruddin Mohd Amin, Setiausaha “Islamic Outreach”, ABIM, Kota Bharu, 23 Nov, 1998

<sup>94</sup>Ibid.

<sup>95</sup>Ibid.

menentang dan membasmi pengaruh Parti Komunis Malaya(PKM) yang telah menggunakan masyarakat Orang Asli, khususnya mereka yang bermastautin di kawasan pendalaman untuk membantu perjuangan bersenjata mereka. Malah mereka dilihat selalu diperalatkan oleh anasir-anasir Komunis. Oleh kerana itulah jabatan ini telah mengambil langkah-langkah untuk memberi perlindungan, kesentosaan dan kemajuan Orang Asli mengikut garis dan kehendak Akta Orang Asli 1954. (Disemak - 1974).

Tetapi selepas merdeka, khususnya setelah ancaman Komunis berakhir dan keselamatan negara terkawal menyebabkan objektif dikembangkan kearah usaha mempertingkatkan kemajuan masyarakat Orang Asli. Langkah ini telah diambil oleh kerajaan memandangkan mereka adalah golongan Bumiputera yang ketinggalan dari segi kedudukan sosial dan ekonomi. Pada tahun 1961 kerajaan telah mengistiharkan satu dasar pentadbiran Orang Asli. Matlamat dasar ini adalah bagi mengintegrasikan orang-orang Asli dengan masyarakat kebangsaan supaya mereka dapat bersama dengan kaum-kaum lain maju dan menikmati taraf hidup yang lebih baik. Aspek agama dilihat dapat membantu meningkatkan keselamatan dan kemajuan masyarakat Orang Asli, oleh itu JHEOA ikut berkerjasama dengan badan agama dan kebajikan lain dalam penyebaran agam Islam di kalangan masyarakat Orang Asli sebagai melicinkan pergerakan dakwah dari aspek logistik. Kerana mana-mana badan dakwah yang ingin ke perkampungan Orang Asli mesti mendapat penjelasan daripada JHEOA mengenai keadaan satu-satu kawasan.

Peranan Jabatan adalah memberi perkhidmatan serta membangunkan masyarakat Orang Asli bagi mencapai kesejahteraan hidup yang membolehkan mereka berintegrasi dengan masyarakat lain di negara ini.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli merupakan sebuah Jabatan yang dipertanggungjawabkan keatas hal ehwal dan kebajikan Orang Asli. Ia ditubuh dan dianggap sebuah Jabatan yang unik dalam erti kata segala bidang tugas yang dilakukan oleh kakitangan jabatan adalah berkaitan dengan masyarakat ini secara keseluruhannya.<sup>96</sup> Nama awalnya ialah Jabatan Orang Asli (JOA). Oleh kerana keunikan Jabatan ini dalam tugas dan pengetahuan mereka selok belok mengenai hutan, jadi tidak hairanlah Jabatan ini merupakan pemangkin dalam memberi kerjasama kepada badan-badan lain dalam menyebarkan Islam kepada orang Asli. Antara objektif JOA pada peringkat awal ialah:

- i) Keselamatan - melindungi Orang Asli daripada ancaman Komunis melalui program perang saraf dan gerak saraf.
- ii) Kesihatan - memperkenalkan kepada Orang Asli asas kesihatan dan perubatan moden.
- iii) Pendidikan - mengajar asas membaca dan menulis kepada Orang Asli.<sup>97</sup>

<sup>96</sup>Syekh Ari Bana, (1995), **Jungle Survival Di Post Pasik**, Nong Pai, JHEOA, Jan-April, Bil 1, hal 13.

<sup>97</sup>En. Harun Che Muda, (tt), **Pentadbiran Orang Asli Pada Tahun 1954 - 1956**, Kertas Projek Harlianawati Harun, JHEOA, Kota Bharu, hal 3.

### 3.6.4 Pendekatan Dakwah Oleh Badan-Badan.

Dalam kita membincangkan pendekatan dakwah oleh badan-badan yang terlibat secara langsung dengan penyebaran dakwah di kalangan Orang Asli, kita juga perlu lihat kesan hasil daripada gerakan yang dilakukan oleh badan-badan tersebut. Walaupun begitu, secara umumnya ia mendatangkan kesan yang baik sekalipun memakan masa yang panjang dalam menggerakkan dakwah. Keunikian kerja yang dilakukan oleh mereka telah menarik perhatian kaum Asli untuk menerima Islam. Cuma pertambahan atau perubahan metode kedapatan dalam merealisasikan kepada masyarakat di pendalaman bersesuaian mengikut keadaan mereka.

Dalam menentukan kejayaan dakwah kepada subjek yang didakwah, perubahan atau pertambahan dilakukan mestilah selaras dengan sosial masyarakat setempat. Menentang arus perdana masyarakat setempat adalah suatu kerja yang mendatangkan banyak masalah dan cabaran. Malah dalam keadaan ini metode untuk mendekati mereka sangat diperlukan.

Menurut temubual dengan Us. Ahmad Nordin pendekatan yang digunakan oleh MAIK dalam menyebarkan Islam dikalangan masyarakat Orang Asli adalah sama sebagaimana garis panduan asal, cuma MAIK menggunakan metode *bilhal* (suasana semasa) sebagai penambahan yang agak bersesuaian dengan masyarakat di sana. Perkara pertama yang di gunakan apabila masuk ke kawasan Orang Asli ialah dengan mengambarkan kemurniaan akhlak dan tingkah laku sehari-hari kerana ini

mencerminkan kesucian Islam yang menjamin kesejahteraan dan keharmonian sejagat. Tingkah laku tersebut berasaskan nilai tauhid dan mengikut syariat Islam.<sup>98</sup>

Antara lain juga metode yang digunakan ialah dengan mengulangi ziarah ke kawasan pendalaman Orang Asli dan mengadakan hubungan erat di antara pendakwah dan subjek yang didakwah, atau ia juga dikenali dengan dakwah susulan agar kedatangan yang berulang kali akan membuatkan mereka lebih mempercayai. Kerana masyarakat Orang Asli pada asasnya susah untuk mempercayai orang asing atau orang luar.<sup>99</sup>

Berdasarkan kepada asas-asas inilah, pendakwah mencurahkan usahanya untuk membebaskan akal manusia daripada tradisi negatif yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Oleh itu, pendakwah harus memperkuatkan dirinya, memperluaskan ufuk pemikirannya, bertoleransi meraikan suasana, selalu memerhatikan realiti suasana persekitaran dan mengalakkkan masyarakat membebaskan diri daripada unsur negatif yang telah bersarang di akal yang membentuk suatu adat dan budaya dalam kehidupan. Semuanya ini dilakukan supaya pendakwah mampu membimbing masyarakat ke jalan yang benar.<sup>100</sup>

Begini jugalah Pendakwah ataupun pihak yang berperanan dalam menyebarluaskan Islam di kalangan Orang Asli, pada asasnya menggunakan kaedah ini dan

---

<sup>98</sup>Us. Ahmad Nordin, Op cit.

<sup>99</sup>Ibid.

<sup>100</sup>Dr. Muhammad Talat Abu Sher, (1986), *Al-Du'ah Ila Allah Fi Al-Qur'an Al-Karim Wa Manahijuhum*, Universiti Al-Azhar, Kaherah, hal 266.

disesuaikan dengan masyarakat Orang Asli.<sup>101</sup> Kesesuaian metode yang digunakan ini menarik minat masyarakat Orang Asli untuk mendekati dan mengetahui dengan lebih lanjut apa yang dibawa oleh pendakwah. Menurut Kenyataan Dr. Muhammad Talat Abu Sher dalam bukunya: (*al-Dau'ah Ila Allah Fi Al-Quran Al-Karim Wa Manahijuhum*)

*“Tidak syak lagi apabila seseorang pendakwah beriltizam dengan metode yang dianjurkan oleh al-Qur'an ini, hati manusia akan mengerumuninya dan akan menghilangkan rasa tidak senang dalam hati manusia.”<sup>102</sup>*

Dalam hal ini pihak yang bertanggungjawab seperti MAIK, PERKIM, ABIM dan JHEOA, telah memainkan peranan yang baik dalam menyebarkan Islam di kalangan Orang Asli dengan menyertakan metode-metode yang dikenali dengan **Dakwah Tinjauan**. Selepas itu mereka membuat **Dakwah Susulan** dengan menghantar 10 orang aktivis memberi penerangan tentang Islam dan menjawab segala permasalahan yang timbul dan peringkat ketiga mereka **Mengadakan Kursus**. Ini sama ada dibuat di sana atau mengambil orang Asli dan membawa keluar supaya bergaul dengan masyarakat di bandar-bandar.

Melalui metode-metode ini, ianya telah memberikan hasil kejayaan yang memuaskan. Namun begitu kalau ditinjau dari aspek metode penyebaran ada sedikit kelainan apa yang telah dilakukan oleh MAIK, Walaupun begitu persamaan tetap ada.

<sup>101</sup> Temubual Dengan En. Kamaruddin Mohd Amin, Setiausaha “Islamic Outreach”, ABIM, Kota Bharu, 23 Nov, 1998.

<sup>102</sup> Dr. Talat Abu Sher, Op cit, hal 266.

Kelainan yang dimaksudkan ialah dari sudut bidang kerja dan pengunaan tenaga.

Usaha menyebarkan Islam dilakukan adalah dalam bentuk bersepadau di antara beberapa badan Kerajaan sama ada di peringkat negeri maupun pusat seperti MAIK sendiri, JAKIM, JAIK dan JHEOA. Cara ini adalah cara yang paling berkesan di mana pada peringkat awal gerakan penyebaran melalui penghayatan kepada kehidupan masyarakat orang Asli dan budaya mereka. Selepas beberapa kali, barulah Islam diperkenalkan dan diberi penekanan dari sudut akidah.<sup>103</sup>

Pada kebiasaannya menurut Us. Ahmad Nordin (MAIK), beliau masuk ke penempatan Orang Asli selama 15 hari dalam sebulan. Ia juga bergantung pada keadaan. Paling minima mereka berada di sana selama seminggu.<sup>104</sup>

Dalam gerakan ini ABIM pula mempunyai pendekatan yang tersendiri. Melalui pengamatan saya dalam program yang saya ikuti bersama ke Post Blau mendapati mereka menggunakan tenaga yang agak ramai iaitu lebih dari lima orang dan mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti perubatan, dakwah dan beberapa orang dalam bidang yang berkaitan. Pada peringkat awal mereka bertemu dengan penghulu dan menyatakan hasrat dan tujuan mereka datang dengan tidak menyebut tentang Islam tetapi datang untuk meninjau dan mengajak mereka untuk makan bersama dan sekaligus memeriksa kesihatan mereka serta keperluan lain yang dianggap berfaedah bagi memperlihatkan mereka tentang kebaikan orang Islam.

<sup>103</sup> Temubual Dengan Us. Ahmad Nordin, Pegawai Dakwah Orang Asli, Majlis Agama Islam Kelantan, 29 November, 1998.

<sup>104</sup> Ibid.

PERKIM juga merupakan salah satu badan yang terlibat dengan dakwah Orang Asli. Badan ini walaupun tidak seperti badan-badan lain, namun mereka mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam menarik masyarakat Orang Asli menerima Islam. Mengikut perbualan penulis dengan Tuan Hj. Ghazali, Pengerusi PERKIM Caw. Kelantan. Menurutnya, di samping menggunakan dakwah bersepadau dengan badan-badan lain, badan ini pada peringkat awalnya masuk ke kawasan masyarakat Orang Asli dengan menekankan kepada menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Orang Asli serta bekerjasama menjalankan kegiatan penanaman sayur dan memelihara binatang ternakan. Hasil-hasil ini semua dibawa keluar oleh PERKIM untuk dipasarkan, di mana Orang Asli akan mendapat wang hasil daripada usaha tersebut. Amalan ini akan meletakkan kepercayaan masyarakat Orang Asli yang sepenuhnya kepada PERKIM sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap mereka. PERKIM mempunyai ramai tenaga pendakwah yang dilahirkan melalui Institut Latihan Dakwah PERKIM, tenaga inilah yang digunakan untuk merancang segala program yang diatur.<sup>105</sup>

### 3.6.5 Halangan.

Gerakan penyebaran Islam merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi oleh mana-mana pendakwah dalam menghadapi karenah-karenah masyarakat sekeliling,

<sup>105</sup> Temubual dengan Tuan Hj. Ghazali, Pengerusi PERKIM Cawangan Kelantan, Kota Bharu, pada 3 November, 1999.

apatah lagi gerakan penyebaran Islam dikalangan Masyarakat Asli yang berada begitu jauh di pendalaman merupakan satu permasalahan yang agak besar perlu dihadapi oleh pendakwah dari segi kemudahan perhubungan untuk ke sana. Antara halangan-halangan yang perlu dihadapi oleh mereka ialah:

- a) Persaingan dengan agama Kristian, di mana gerakan kristian merupakan satu halangan besar yang perlu dihadapi oleh pendakwah-pendakwah Islam. Golongan Kristian menubuhkan penempatan mereka di sebuah kampung yang bernama Kg. Bahung. iaitu di sempadan negeri dekat Cameron Highland. Mereka meletakkan pendakwah mereka untuk memberi tentangan pada penyebaran agama Islam. Mereka menggunakan tenaga tempatan , tetapi dari segi bantuan mereka mendapat bantuan antarabangsa.<sup>106</sup>
- b) Agama Bahai :

Agama ini juga merupakan salah satu halangan yang dihadapi oleh pendakwah-pendakwah Islam terutama di Post Balai bersempadan dengan Sg. Siput, Perak. Mereka menghantar pendakwah-pendakwah mereka melalui Sempadan Lasah, Perak. Walaupun begitu perkara ini dapat di atasi dengan baik oleh pendakwah-pendakwah agama Islam. Kawasan yang paling ramai menganut agama Bahai ialah di Kg. Sendrop tetapi keadaan sekarang telah banyak berubah. Islam dapat mematahkan segala gerak kerja mereka.

---

<sup>106</sup>Ibid.

- c) Penempatan yang terlalu jauh dan kadang-kadang tempat ini tidak boleh pergi dengan kenderaan biasa.
- d) Memerlukan peruntukan yang banyak kerana setiap kali masuk ke penempatan Orang Asli peruntukan kewangan yang banyak diperlukan terutama bila di adakan satu-satu program. Pada hakikatnya orang Asli tidak akan melayan sekiranya masuk ke penempatannya tanpa apa-apa bantuan.<sup>107</sup> Kerana sesetengah dari mereka walaupun sudah mempunyai kerja tetapi pendapatan yang mereka dapat tidak mencukupi dan perlukan kepada bantuan lain.

Dalam hal ini pihak-pihak bertanggung jawab berusaha untuk mengatasi segala halangan-halangan yang mereka hadapi dengan satu usaha yang gigih demi menyebarkan Islam.

### 3.6.6 Sikap Orang Asli Terhadap Agama Islam dan Pengikutnya.

Kalau diteliti secara umumnya Orang Asli agak keberatan untuk memeluk agama Islam kerana kononnya orang-orang Melayu yang majoritinya Islam banyak mempunyai sifat-sifat negetif seperti menindas, tidak berlaku adil, tidak berakhlik dan lain-lain lagi.

Sikap ini pernah digambarkan dengan jelas oleh masyarakat Orang Asli yang menyatakan rasa ketidakpuasan terhadap masyarakat Melayu dari tingkahlaku yang

---

<sup>107</sup>Ibid.

telah ditonjolkan kepada mereka. Ini diakui oleh BAHEIS sendiri dalam kenyataannya menjelaskan tentang pandangan dan pendapat Orang Asli terhadap orang Melayu adalah seperti berikut:

*"Orang-orang Asli melihat orang Melayu sebagai bangsa yang menindas dan mengawal kehidupan mereka. Ianya dihubungkaitkan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang mempunyai ramai pegawai-pegawai Melayu. Di dalam pentadbiran negara, Perdana Menteri, Menteri-Menteri dan Menteri-Menteri Besar juga di monopoli oleh orang-orang Melayu. Masalah tanah mereka tidak dapat diselesaikan mengikut kehendak mereka kononnya kerana pegawai-pegawai Daerah, penolong-penolong dan kakitangannya yang terdiri dari orang-orang Melayu tidak mahu mengatasi masalah mereka.*

*Sehubungan dengan perkara di atas, mereka juga tidak mahu dilihat sebagai sebahagian daripada orang Melayu. Mereka mahu kekal dengan identiti orang Asli. Ianya juga berkaitan dengan sikap dan tingkah laku orang-orang Melayu yang umumnya memandang rendah terhadap orang Asli. Perkataan SAKAI sering digunakan oleh orang Melayu untuk tujuan mengejek mereka. Bagi orang-orang Asli hal ini telah meletakkan mereka di tahap yang sangat rendah dari kacamata orang-orang Melayu. Di samping itu terdapat juga tindakan-tindakan kurang sopan menganggu kehormatan anak isteri dan mengambil buah-buahan/tanaman dengan sewenang-sewenangnya. Semua ini menjarakkan lagi jurang hubungan di antara orang-orang Asli dengan orang-orang Melayu. Bagi orang Asli masuk Islam adalah bererti masuk Melayu. Kepada mereka Islam itu hanya untuk orang-orang Melayu*

*sahaja. Sebab itu adalah tidak menghairankan kita kenapa mereka tidak berminat untuk menjadi Islam.*

*Berbanding dengan orang Melayu yang di anggap "musuh" yang menindas, orang-orang Cina pula disifatkan sebagai "Big Brother" dan tempat mengadu nasib dan bergantung harap. Di dalam sistem perniagaannya orang-orang Cina suka memberi wang pendahuluan atau hutang kepada orang-orang Asli tanpa apa-apa cagaran atau surat perjanjian yang khusus ditandatangani. Hanya persetujuan secara lisan, misalnya dengan membayar balik hutang tersebut apabila musim buah tiba dengan secara pajak dan lain-lain. Orang-orang Asli akan terikat dengan cara ini dan terus menerus menjual buah-buahan, tanam-tanaman dan hasil hutan pada tauke-tauke yang kononnya membantu mereka. Akibat dari kepercayaan itu, ramai orang-orang Asli telah menghantar anak-anak mereka bersekolah Cina. Ini bererti hubungan yang erat dengan orang-orang Cina akan membantu mereka untuk membebaskan diri dari lingkaran kemiskinan".<sup>108</sup>*

Dari sumber-sumber di atas, ada beberapa perkara yang menjadi pertikaian orang-orang Asli terutama mereka mengaitkan orang-orang Melayu dengan agama Islam. Mereka menganggap seolah-olah agama Islam yang dianuti oleh orang-orang Melayu banyak memberi masalah kepada orang-orang Asli. Manakala orang Cina yang tidak menganut agama Islam itu adalah satu masyarakat yang baik dan mengagumkan mereka. Pengalaman-pengalaman pahit yang dialami oleh orang

<sup>108</sup> Majlis Keselamatan Negara, JPM (1992), **Pendekatan Ke Arah Mengintegrasikan Masyarakat Orang Asli Dengan Orang-Orang Melayu Dari Sudut Politik Dan Keselamatan Negara**, BAHEIS, JPM, Kuala Lumpur.

orang Asli dengan orang-orang Melayu telah memberikan suatu tanggapan negatif dan suatu sikap sinis terhadap masyarakat Melayu malah agama Islam itu sendiri.

Berasaskan pandangan dan sikap yang diperlihatkan ini, kegiatan yang berkaitan dengan Orang Asli memerlukan perubahan sikap malah jika perlu pertukaran pegawai diperlukan bagi mengubah tanggapan masyarakat Orang Asli bagi menjamin mereka menerima Islam, kerana apa yang dilihat Melayu itu adalah Islam.

Apa yang dibincangkan di atas bukanlah suatu yang umum dan menyeluruh menggambarkan sikap dan pandangan mereka terhadap orang-orang Melayu dan agama Islam, tetapi ia hanya berlaku di beberapa buah tempat sahaja.

### 3.6.7 Kesan Penyebaran.

Dalam usaha yang dilakukan sama ada oleh MAIK, ABIM, PERKIM dan JHEOA, mereka boleh dianggap telah mencapai suatu hasil yang baik dalam kerja-kerja menyebarkan Islam. Antara kesan dari usaha penyebaran yang mereka gerakkan ialah peningkatan masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam meningkat dari masa ke semasa.

## Peningkatan Orang Asli Yang Memeluk Islam.<sup>109</sup>

TAHUN	JUMLAH
1986	10 orang
1987	04 orang
1988	02 orang
1989	43 orang
1990	23 orang
1991	63 orang
1992	72 orang
1993	96 orang
1994	61 orang
1995	70 orang
1996	88 orang
1997	472 orang

Jadual 3.2

**Jumlah Besar = 532 orang**

(Bilangan ini tidak termasuk kanak-kanak)

Jumlah ini menunjukkan bahawa masyarakat Asli di Kelantan yang memeluk Islam dari setahun ke setahun memang mempunyai peningkatan yang baik. Sejak akhir-akhir ini penyebaran Islam di kalangan Orang-Orang Asli mendapat sambutan yang hangat dan menggalakkan serta penuh dengan pengharapan yang gemilang. Ini menunjukkan bilangan Orang-Orang Asli yang mendapat taufik dan hidayat dengan sukarela sendiri memeluk Islam telah meningkat dari tahun ke setahun.<sup>110</sup>

Berasaskan kepada fakta-fakta yang didapati dapat dirumuskan bahawa jumlah peratusan Orang Asli yang memeluk Islam di Kelantan menurut bancian 1999

<sup>109</sup> Buletin MAIK, Op cit, hal 21.

<sup>110</sup> Warta Majlis, (1998), **Bilangan Orang Asli Memeluk Islam Kian Meningkat**, MAIK, Kota Bharu, Bil 3, hal 16.

dari jumlah penduduk keseluruhan yang berjumlah 7,958, seramai hampir 1,500 atau 18.8 % yang telah memeluk Islam.

Dari jumlah perkampungan Orang Asli di seluruh Kelantan, ada di antara beberapa tempat yang telah dimasuki oleh pendakwah dan ada juga tempat-tempat tersebut telah mencapai 100% penganut agama Islam, seperti di Kuala Koh, Tako, Lebir, dan Pulat. Kawasan-kawasan lain masih belum mencapai tahap yang sedemikian seperti di Kuala Lah 35%, Kuala Wok 45%, Tohoi 60%, Hendrop 80%, Tuel 60% dan Kuala Betis 30% dan ada beberapa kampung yang masih belum menerima Islam ialah Pasik, Blau, Redip dan Mendrop.

Dalam pada itu antara suku kaum yang memeluk Islam seperti Kaum Bateq contohnya hanya 400 sahaja yang memeluk Islam, Kaum Jahai 350 dan Mendriq seramai 120. Selebihnya adalah suku kaum Temiar daripada jumlah penduduk Orang Asli yang memeluk Islam seramai 1500 orang. Menurut kajian yang dijalankan antara sebab suku kaum Temiar lebih mudah menerima Islam kerana beberapa faktor seperti perangai mereka serupa dengan perangai masyarakat Melayu Asli begitu juga dengan budi bicara dan rupa sehingga mereka boleh dikatakan tergolong dalam golongan masyarakat Melayu.

### Penglibatan Badan Dakwah Di Post-Post.

Nama Post	Jumlah	Peratus Islam	Badan Terlibat
Brook	1,236	39.2%	MAIK
Hendrop	588	41.4%	MAIK
Blau	214	0%	ABIM
Kuala Betis	1,198	13.1%	MAIK
Hau	371	0%	//
Belatim	284	0%	//
Balar	274	0%	//
Simpor	299	0%	//
Gob	355	0%	//
Pasik	327	0%	//
Kuala Lah	97	68%	MAIK
Gemalah	97	0%	//
Kuala Wok	194	32%	MAIK
Pulat	145	97.2%	MAIK
Tohoi	256	42.1%	MAIK
Bihai	575	0%	//
Lebir	275	100%	MAIK
Sg. Rual	368	100%	MAIK/PERKIM
Sg. Tako	17	100%	MAIK
Aring	156	94%	MAIK
Tuel	140	66%	MAIK
Kuala Koh	100	100%	MAIK

Jadual 3.3

Berdasar kepada data yang dicatatkan di atas menunjukkan bahawa MAIK merupakan badan yang paling banyak melibatkan diri dalam dakwah ke kawasan-kawasan Orang Asli. Ini selaras dengan penubuhan Bahagian Dakwah dalam MAIK yang bergerak secara khusus melalui beberapa orang pegawai yang sudah biasa

dengan keadaan masyarakat Orang Asli untuk menyebarkan dakwah Islam. Berlainan dengan ABIM dan PERKIM kerana di antara tenaga-tenaga mereka yang menggerakkan dakwah adalah dari kalangan mereka yang bertugas di jabatan-jabatan Kerajaan, Swasta dan juga terdiri dari sukarelawan-sukarelawan yang berminat untuk berdakwah. Malah pergerakan mereka terbatas dari segi masa dan tempat kerana mereka akan masuk ke kawasan-kawasan penempatan Orang Asli pada masa-masa cuti sahaja dan tempat pun tidak begitu jauh. Ini jelas menunjukkan keberkesanan dakwah yang dijalankan oleh MAIK adalah lebih baik kerana mereka senantiasa keluar masuk ke kawasan-kawasan penempatan Orang Asli dan ini setidaknya akan membiasakan mereka dengan suasana kehidupan masyarakat Orang Asli. Ini merupakan metode yang bertepatan dengan metode dakwah Orang Asli. Begitu juga dengan kawasan-kawasan yang dilibatkan oleh MAIK lebih banyak dari badan-badan lain malah pencapaian peratusan lebih tinggi. Walaupun begitu masih ada kawasan-kawasan yang belum menerima Islam. Ini kerana kawasan-kawasan tersebut amat jauh dan susah dari segi perhubungan. Kadang-kadang ada di antara tempat-tempat tersebut terpaksa berjalan kaki selama lapan jam untuk sampai ke sana, seperti Post Gob.

Dalam hal ini tidak boleh dinafikan peranan ABIM dalam menggerakkan dakwah, walaupun mereka tidak sepenuh masa dengan gerakan ini namun sumbangan yang diberikan adalah amat baik dan berdasarkan kepada pengamatan penulis yang pernah bersama dengan gerakan dakwah Orang Asli ke Post Blau, di sana belum ada lagi masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam. Gerakan mereka boleh dikatakan mempelopori satu-satu tempat yang belum ada penganut Islam sebagai asas atau

tapak kepada badan-badan lain mengiatkan lagi program-program dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli.

Kesimpulannya bahawa badan yang banyak melibatkan diri dalam gerakan dakwah kepada masyarakat Orang Asli dan memberi penumpuan yang khusus ialah MAIK, badan ini mempunyai bahagian khas untuk berusaha kearah itu dengan dibantu oleh sumber kewangan yang agak teguh. Melihat kepada angka pemeluk Islam kini berjumlah 1500 orang dari jumlah keseluruhan Orang Asli lebih 7000 orang, bererti usaha yang lebih banyak dan kerap dalam dakwah Orang Asli perlu dilakukan. Oleh kerana dakwah kepada Orang Asli memerlukan kewangan yang besar, pihak berkuasa kerajaan harus menambahkan bantuan kewangan dan tenaga kerja yang lebih bagi memenuhi tujuan ini.

